

UMS juara Kejohanan Bola Jaring Kokum

UB 9.5.13 415

KOTA KINABALU: Pasukan bola jaring Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara Kejohanan Bola Jaring Terbuka yang berlangsung di Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Kejohanan tersebut yang dianjurkan oleh Kelab Kokurikulum (Kokum) Bola Jaring semester 2 itu telah disertai empat pasukan daripada pelajar dan staf universiti Eko Kampus itu.

Pasukan UMS pada awalnya menundukkan pasukan Mascom dengan jaringan 18-1 disusuli dengan kemenangan 14-1 ke atas pasukan Kokum sebelum menewaskan pasukan G-United 14-3.

Dengan aksi permainan bergaya itu membolehkan pasukan UMS yang kebanyakannya ditaris oleh pelajar Sains Sukan dinobatkan sebagai juara keseluruhan.

Naib juara pula disandang oleh pasukan Kokum manakala tempat ketiga jatuh ke tangan pasukan G-United.

Kesemua pasukan yang menang menerima hadiah berupa pingat, hamper dan sijil.

Dalam padaitu, jurulatih Kokurikulum bola jaring UMS, Fauziah Janau berkata, beliau berpuas hati dengan kelancaran program yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar di bawah kursus bola jaring tersebut.

Katanya, ia merupakan persiapan penting dalam meningkatkan kemahiran insaniah untuk menjadi bekalan pada alam pekerjaan kelak.

Bagi pengarah kejohanan itu, Nurul Ashikin Razak pula berkata, kejayaan ahlijawatankuasa yang telah bertungku-lumus mengendalikan kejohanan

tersebut sedikit sebanyak mengajar mereka mencari pengalaman dalam menganjurkan sesuatu kejohanan.

Katanya, melalui pengalaman yang diperoleh, pastinya amat berguna untuk diterapkan dalam kehidupan khususnya dalam menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

Kejohanan bola jaring terbuka itu merupakan kejohanan yang dijalankan pada akhir setiap semester pengajian di UMS.

Ia antara lain bertujuan untuk menggalakkan mahasiswa membudayakan bersukan sebagai amalan gaya hidup sihat selain menjadi landasan untuk mencungkil bakat baru pelajar yang boleh diketengahkan dalam pelbagai kejohanan seperti Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dan Sukan Universiti Asean.



**PASUKAN
UMS yang
menjuarai
Kejohanan
Bola Jaring
Terbuka
2013.**